

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini tindakan Kementerian terhadap pencerobohan tanah secara haram di Cameron Highlands.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Kerajaan bagi mengembalikan kegemilangan Cameron Highlands sebagai pusat pelancongan terkenal dan lokasi tanaman sayur-sayuran masih berjalan sehingga ke hari ini.

Usaha bersepadu bagi pemuliharaan dan pembersihan tanah Cameron Highlands dari peneroka-peneroka haram ini dilakukan melalui OP Gading dengan kerjasama pelbagai agensi. Sehingga 7 Mei 2015, operasi ini telah berjaya membersihkan ladang-ladang haram seluas **4,257** ekar atau **76.34 %** dari 5,580 ekar tanah kerajaan dan rizab hutan simpan yang telah diceroboh.

Operasi ini juga menumpukan kepada penangkapan PATI yang bekerja di ladang-ladang haram sekitar Cameron Highlands. Agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri bersama-sama mengembleng tenaga dalam penangkapan PATI yang diketahui turut menyumbang kepada penerokaan ladang-ladang haram. Mengikut rekod sehingga 7 Mei 2015, seramai **1,578 PATI** telah ditangkap dan seramai **25 orang** majikan telah dikenakan pertuduhan di bawah Akta Imigresen dengan pelbagai jenis kesalahan.

Melalui **Program Penghijauan Cameron Highlands** di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, sebanyak **7,500** pokok

hutan akan ditanam dan dari jumlah tersebut sebanyak **4,500** pokok telah ditanam di lokasi pencerobohan yang telah dimusnahkan.

Bagi **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)** di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Lembah Bertam, kemajuan kerja bagi rancangan tebatan ini adalah di tahap **37.07 %**.

Sekian. Terima kasih.